

|           |               |
|-----------|---------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date      | 25 APRIL 2015 |

# Deklarasi Bandung masih relevan: Najib

BH-25/4/2015

» *Prinsip dicetus  
60 tahun lalu  
perlu dihidup  
semula hadapi  
cabaran semasa*

**Tuan Mohamad Asri  
Tuan Hussein**

asri\_hussein@mediaprima.com.my

► Bandung



**P**rinsip dan semangat Deklarasi Bandung yang dicetuskan ketika Persidangan Asia Afrika (ACC) 60 tahun lalu masih signifikan dan relevan dalam menangani pelbagai isu masa kini, kata Datuk Seri Najib Razak.

Justeru, Perdana Menteri

berharap Semangat Bandung yang tercetus ketika ACC diasaskan pada 1955 dihidupkan semula mencakupi pelbagai dimensi baru bersesuaian dengan cabaran semasa.

Katanya, penyertaan Malaysia dalam persidangan itu sangat signifikan terutama manfaat dalam konteks ekonomi, perdagangan dan pelaburan dalam kalangan Negara Selatan Selatan.

### **Kerjasama dimensi baharu**

“Selain itu kerjasama perlu mencakupi dimensi baharu yang mungkin 60 tahun dahulu tidak berbangkit, tetapi kini menjadi cabaran, umpamanya ancaman fahaman ekstrem dan militan, perubahan cuaca, pengurusan bencana, kerjasama pendidikan serta pembangunan modal insan.

“Oleh itu saya berasakan Se-

mangat Bandung masih perlu kita tiupkan. Masih perlu untuk kita teruskan apa yang diasaskan 60 tahun dulu di Bandung,” katanya pada sidang media di Lapangan Terbang Hussein Sastranegara di sini, sebelum berlepas pulang ke tanah air, semalam.

Perdana Menteri berada di sini untuk lawatan kerja dua hari dan menghadiri sambutan ulang tahun ke-60 ACC yang berakhir, semalam.

Najib berbangga kerana ketegasan Malaysia memperjuangkan kebebasan rakyat Palestin disokong serta dikongsi bersama 91 negara ACC.

Sebelum itu, acara memperingati ulang tahun ke-60 ACC bermula dengan Jalanan Bersejarah semua pemimpin 91 negara peserta dengan Najib bersama isteri Datin Seri Rosmah Mansor antara yang ber-

ada di barisan hadapan bersama Presiden Indonesia, Joko Widodo dan Presiden China, Xi Jinping.

Acara bermula jam 9.20 pagi itu mengulangi sejarah 60 tahun lalu dengan berjalan 120 meter dari Hotel Savoy Homann ke Gedung Merdeka.

### **Henti penjajahan**

Majlis kemudiam diteruskan dengan ucapan Jokowi yang antara lain menyeru dihidupkan semula semangat perjuangan pemimpin ACC terdahulu untuk mewujudkan kedamaian dunia serta menghentikan segala bentuk penjajahan.

Jokowi selaku tuan rumah dan Jinping yang mewakili pemimpin Asia serta Raja Swaziland Mswati III mewakili benua Afrika kemudian bergiliran menandatangani Mesej Bandung yang mengandungi 41 perkara sebagai rumusan sepanjang ACC berlangsung di Jakarta dan Bandung.

Antara lain ia menekankan visi negara Asia dan Afrika, iaitu bersatu menentang ancaman rangkaian pengganas yang merencatkan kestabilan politik dan sosial, selain mengisytiharkan Bandung sebagai kota Hak Asasi Manusia.